


Mesej Penting berkenaan dengan Perintah ke 4 Peliharalah Kekudusan Hari Tuhan

www.DivineRevelations.info/MALAYSIAN



Pada awal perjalanan Kristian saya, saya sedar bahawa banyak perkara yang telah diajar ialah teori-teori agama yang terbaru, teori terkini dan terbaru, kata-kata ungkapan penarik atau Pop-Kristianiti. Namun ia amatlah penting untuk membezakan apa yang berasal dari manusia dengan apa yang berasal dari Tuhan. Ini juga berlaku pada zaman Alkitabiah dahulu, terdapat banyak ajaran agama yang tidak berasal dari Tuhan.

Satu teori terkini telah menyatakan, “*Kita tidak perlu mematuhi Perintah ke-4 lagi; kini ianya menjadi satu idea untuk berehat seharian.*” Tetapi ajaran agama ini datangnya dari manusia, bukan Tuhan. Hakikat sebenarnya, Perintah ke-4 ini tetap satu perintah, seperti perintah-perintah yang lain: Jangan Membunuh, Jangan Mencuri dan lain-lain.

Selama ini sambil saya mengkaji banyak wahyu dan penglihatan dari Tuhan berkenaan Syurga dan Neraka, saya mendapati satu perkara yang tak berubah ialah amaran-Nya akan menjadi kenyataan apabila umat-Nya tidak mengendahnya. Jadi, tidak ada kemungkinan untuk mengharapkan Tuhan tidak menepati FirmanNya hanya kerana seseorang itu Kristian. Sebagai contoh, apabila Yesus memberi amaran: ‘*selagi kamu tidak mengampuni saudara kamu yang bersalah terhadap kamu, Bapa di Syurga TIDAK akan mengampuni dosa-dosa kamu.*’ Perkara ini benar, sekalipun anda ialah pastor kepada gereja yang mempunyai 10,000 orang jemaah. Jadi, amaran dari-Nya haruslah dipandang serius oleh sesiapa pun.

Di dalam beberapa wahyu dan penglihatan berkaitan Neraka, banyak orang Kristian telah berakhir di Neraka, hanya kerana mereka mengandaikan bahawa Tuhan TIDAK menggenapi FirmanNya. Kita tahu dengan darah Yesus yang tertumpah, kita mendapat pengampunan atas segala dosa-dosa kita. Namun demikian, kita tidak harus memandang ringan perkara ini. Sekiranya orang Kristian berterusan melanggar Perintah-perintahNya tanpa pertobatan serta penyesalan, maka keselamatan (salvation) mereka dalam risiko. Perkara ini adalah konsisten seperti yang tertulis dalam Alkitab.

Kita harus sentiasa ingat bahawa **10 Perintah** adalah BUKAN **10 Cadangan**. Sesiapa yang mematuhi 10 Perintah itu akan diberkati. Tetapi ini tidak bermakna bahawa seseorang itu benar, hanya kerana mematuhi Perintah-Nya. Ini bermaksud akan ada penghakiman ke atas orang yang melanggarnya.

Manakah di antara kesepuluh Perintah-Perintah itu dimansuhkan telah dengan kedatangan Yesus Kristus? TIADA! Kita masih harus mematuhi. Hanya kerana golongan Farisi yang terlampau menambah-nambah perintah berkenaan hari Sabat dengan 100 undang-undang buatan manusia, kita semakin mengabaikan Perintah ke-4, juga jarang ditekankan di dalam Khutbah. Perintah ke-4 bukan sekadar Undang-undang Lewi (Levitical Law) yang berada dalam Alkitab. Tidak, ia telah ditulis atas loh batu bersama-sama dengan Perintah-perintah lain, dan dianggap penting di seluruh Alkitab.

Betapa jahilnya saya apabila selama ini saya mengandaikan bahawa kita tidak perlu memelihara Hari Suci Sabat (atau Hari Minggu). Memadai sahaja pergi ke Gereja. Tetapi sebenarnya selepas menghadiri Gereja, saya akan menjalani Hari Tuhan itu seperti hari-hari biasa yang lain. Kita tahu kesungguhan Yesus terhadap orang yang mencemarkan Bait Allah dengan menghalau mereka keluar,

tetapi saya amat tidak menyangka bahawa Dia juga bersungguh-sungguh terhadap sesiapa yang melanggar Hari Tuhan.

Satu ungkapan Kristian bagi sesiapa yang mengikuti perintah ke-4 berkenaan Sabat ialah mereka terlalu **“Legalistik”** (terlalu mengikuti undang-undang). Akan tetapi apabila dibandingkan dengan seseorang yang mematuhi Perintah ke-6 agar Tidak Membunuh, kita tidak akan mengatakannya terlalu **“Legalistik”**. Kita harus sedar bahawa kita merisikokan berkat dari Tuhan sekiranya kita tidak gentar kepada-Nya ataupun mematuhi Firman-Nya. Sekarang jua kita dapat melihat daripada penglihatan dan Alkitab bahawa dengan melanggar Perintah ke-4 amatlah serius dan akan membawa kepada kutukan kekal.

Keluaran 20:8-11 Ingatlah dan kuduskanlah hari Sabat: enam hari lamanya engkau akan bekerja dan melakukan segala pekerjaanmu, tetapi pada hari ketujuh adalah hari Sabat TUHAN, Allahmu; maka jangan melakukan sebarang pekerjaan, engkau atau anakmu laki-laki, atau anakmu perempuan, atau hambamu laki-laki, atau hambamu perempuan, atau hewanmu atau orang asing yang tinggal di tempat kediamanmu. Sebab enam hari lamanya TUHAN menjadikan langit dan bumi, laut dan segala isinya, dan Ia berhenti pada hari ketujuh; itulah sebabnya TUHAN memberkati hari Sabat dan menguduskannya.

Teks berkenaan Perintah ke-4 secara asasnya menyatakan:

- Khaskan hari itu buat Tuhan,
- Jangan jalankan pekerjaan anda,
- Jangan membiarkan orang bekerja kerana anda.

Apabila anda membelanjakan wang pada Hari Tuhan, bermakna seseorang telah bekerja.

Orang Kristian harus membuat keputusan:

- 1) sama ada Hari Tuhan haruslah dikuduskan, atau Tidak dan itu ialah satu Perintah atau Tidak.
- 2) Sekiranya anda percaya ia harus dikuduskan, adakah anda akan mengikuti cara seperti yang dinyatakan di Alkitab, atau kaedah budaya Kristian masakini? Lakukan sahaja apa yang Alkitab nyatakan, tidak lebih dari itu.

Petikan-petikan berikut telah diambil daripada penglihatan [Baptize by Blazing Fire](#) (buku #3) oleh Pastor Yong-Doo Kim. Ahli jemaahnya telah banyak kali dilawati Yesus secara bersemuka dan telah ditunjukkan bahawa betapa seriusnya untuk memelihara kekudusan Hari Tuhan.

(Pastor Kim bercakap) saya memutuskan untuk bertanya kepada Tuhan mengenai Hari Minggu, bagaimana cara kita untuk menguduskannya. Sebaik saja saya bertanya kepada Yesus, air muka-Nya berubah marah. Tuhan mahu saya merujuk kepada beberapa ayat...

“Tetapi apabila kamu tidak mendengarkan perintah-Ku untuk menguduskan hari Sabat dan untuk tidak masuk mengangkut barang-barang melalui pintu-pintu gerbang Yerusalem pada hari Sabat, maka di pintu-pintu gerbangnya aku akan menyalakan api, yang akan memakan habis puri-puri Yerusalem, dan yang tidak akan terpadamkan.” ([Yeremia 17:27](#)) (mengangkut barang-barang, merujuk kepada barang-barang jualan, pedati jualan)

"Apabila engkau tidak menginjak-injak hukum Sabat dan tidak melakukan urusanmu pada hari kudus-Ku; apabila engkau menyebutkan Sabat "hari kenikmatan", dan hari kudus TUHAN "hari yang mulia"; apabila engkau menghormatinya dengan tidak menjalankan segala acaramu dan dengan tidak mengurus urusanmu atau berkata omong kosong, maka engkau akan bersenang-senang kerana TUHAN, dan Aku akan membuat engkau melintasi puncak bukit-bukit di bumi dengan kenderaan kemenangan; Aku akan member makan engkau dari milik pusaka Yakub, bapa leluhurm, sebab mulut TUHANlah yang mengatakannya. ([Yesaya 58:13-14](#))

"Kerana Anak Manusia adalah Tuhan atas hari Sabat." ([Matius 12:8](#))

"...Kerana itu, boleh berbuat baik pada hari Sabat." ([Matius 12:12](#))

Tuhan telah memerintahkan kita untuk menguduskan hari Sabat dalam apa-apa keadaan. Dia mengecam menonton televisyen, makan di luar bersama keluarga, dan aktiviti sekular yang lain. Selain itu, Tuhan tidak membenarkan untuk menjalankan sebarang urusan yang mendatangkan keuntungan pada hari Minggu. Dia juga tidak mahu umat-Nya untuk membeli-belah pada hari Minggu.

Yesus menunjukkan kepada saya sekumpulan jiwa-jiwa yang berada di satu tempat di Neraka, lalu berkata, "***Beberapa jiwa di sini ialah mereka yang terlibat dalam ajaran sesat. Terdapat juga kaki botol dan mereka yang memperlakukan Sabat atau Hari Minggu dengan cuai. Pada hari Minggu, mereka akan membelanjakan wang mereka sepuas hati. Kebanyakan mereka berada di sini kerana tidak memelihara kekudusan hari Minggu. Ada juga mereka menjalankan perniagaan dan mengira Tuhan akan mengampunkan mereka. Mereka telah terpedaya***". Saya melihat ramai pendeta dan pastor dari berbilang bangsa.

Hakikatnya, hanya sebilangan sahaja orang kudus yang tidak memelihara Hari Minggu dengan sempurna dapat naik ke syurga, Sebaliknya, bilangan orang kudus tak terkira banyaknya berakhir di Neraka kerana tidak memelihara hari Minggu dengan sempurna. Tuhan berkata, "***Lihatlah jiwa-jiwa itu. Mereka tidak mengambil berat terhadap Hari-Ku. Mereka telah mencemarkan Hari-Ku. Lihatlah dengan jelas.***" Kami sungguh terkejut dengan apa yang kami saksikan. Orang Kristian berada dalam Neraka, sedang menjerit dengan kepedihan dan diseksa. Selepas melihat kejadian ini, saya berkonsentrasi untuk bertaubat kerana tidak memelihara kekudusan Hari Minggu dalam setiap segenap cara.

Terdapat orang kudus yang berpendapat bahawa membelanjakan wang pada hari Minggu, JIKA ianya 'demi kerana Penginjilan'. Yesus memperjelaskan penipuan gereja, "***Manusia mengeliru, menyalahguna dan memandang ringan terhadap perintah yang berkenaan Hari Minggu, 'demi kerana Penginjilan'. Mereka sentiasa melakukannya. Jangan membelanjakan wang pada Hari Minggu! Apabila manusia memutuskan untuk melakukan kehendak hati, mereka akan mencari pelbagai cara dan alasan untuk mewajarkan agar tidak perlu mematuhi perintah itu.*** Tuhan kelihatan amat serius. KeagunganNya melimpah ruah.

Sekarang ini, gereja-gereja sedang menyeru untuk kebangkitan, tetapi sebelum itu, mereka haruslah berubah. Mereka haruslah bertaubat dengan gentar. Gereja-gereja tidak mengajar jemaah untuk memelihara kekudusan Hari Minggu. Sebaliknya mereka mengambil mudah perkara ini. Tuhan telah memberikan kita amaran keras.

Apa sahaja acara yang dilangsungkan di Rumah Tuhan haruslah percuma. Banyak gereja menjual kupon makanan kepada jemaah yang hadir. Perbuatan menjual kupon makanan menunjukkan tidak memelihara kekudusan Hari Minggu. Tuhan menunjukkan dengan teliti kepada saya berapa banyaknya Gereja-gereja Korea yang tidak diperkenankan oleh-Nya kerana tidak memelihara kekudusan Hari Minggu. Tuhan juga mahu gereja menjamu mana-mana pengkhotbah jemputan sama ada di rumah pastor ataupun mana-mana rumah ahli jemaahnya, sekiranya acara khas itu diadakan pada Hari Minggu. Tuhan melarang gereja membawa keluar pengkhotbah jemputan makan di luar pada Hari Minggu. Sekiranya gereja mempunyai dapur, tetamu dapat dijamu makan di sana.

Yesus dengan tegas dan jelas telah menyatakan, **Dia melarang kita membelanjakan wang pada Hari Minggu.**

Dalam penglihatan Sdr. Augusto Maquengo, Yesus berkata, "*Aku tidak akan mengangkat sesiapa yang membeli, menjual dan bermain pada Hari Suci ibadah-Ku. Mana-mana hari Sabtu atau Ahad yang telah ditetapkan oleh pemerintahmu untuk menyembah-Ku, haruslah dikhaskan kepada-Ku sahaja, AKULah Tuhanmu. Hari tersebut harus dikuduskan untuk-Ku sahaja.*"

**Pesanan ini haruslah diambil serius,
Peliharalah KEKUDUSAN Hari TUHAN!**

Soalan-soalan Kritikal:

1. Adakah ini ajaran BARU, menambahi Firman Tuhan, dengan beberapa undang-undang buatan manusia?
- *TIDAK, ini adalah selari dengan teks sebenar berkenaan Perintah ke-4.*
'Jangan jalankan urusan anda & jangan biarkan orang lain menjalankan urusan mereka kerana anda.'
2. Tetapi, adakah amaran keras ini selari dengan Alkitab?
- *Amaran ini hampir serupa dengan amaran dalam [Yeremia 17:27](#)*
3. Memelihara kekudusan Hari Sabat Tuhan tidak berkenaan dengan membelanjakan wang!
- *Salah, baca [Nehemiah 10:31](#), apabila orang Yahudi kembali kepada Allah, mereka berjanji*
"Dan bilamana penduduk negeri membawa barang-barang dan berbagai-bagai gandum untuk dijual pada hari Sabat, kami tidak akan membelinya dari mereka pada hari Sabat..."
4. Mungkinkah Pastor Kim seorang nabi palsu?
- *Dari segi Alkitabiah, nabi-nabi palsu bukanlah mereka yang mengajak umat Tuhan untuk mengikuti Perintah-Nya, nabi-nabi palsu biasanya cuba mengajak umat Tuhan untuk mengabaikan Perintah-perintah Tuhan.*
5. Tapi mesej ini bertujuan agar Kristian kembali kepada mengikuti Undang-undang.
- *Undang-undang Lewi, TIDAK. Kesepuluh Perintah, YA. Sekiranya ada mesej untuk melarang kita mencuri, kita tidak mengatakan bahawa ia membawa kita kembali kepada Undang-undang*
6. Sekiranya seseorang tidak bersetuju dengan perkara ini?
- *Reaksi yang sepatutnya ialah berdoa kepada Tuhan dan bertanyakan seandainya perkara ini benar. Jangan mengandaikan kita tahu semuanya tetapi harus bersedia untuk bertaubat. Mengingati bahawa kebanyakan amaran yang diberikan oleh Tuhan di dalam Alkitab sentiasa diabaikan.*
7. Jadi sekiranya kereta saya kehabisan minyak pada hari Minggu, dan saya membeli minyak, maka saya akan ke Neraka. Ini tidak masuk akal!
- *Ini bukanlah maksud penglihatan itu tadi! Dalam penglihatan itu, mereka yang berada di neraka ialah mereka yang 'tidak mengambil berat akan Hari-Ku' atau 'menjalankan urusan pada Hari Minggu.' Jadi sekiranya anda mengambil mudah akan Hari-Nya, ya, kamu berada dalam bahaya.*
8. Tapi Yesus mengatakan kita dibenarkan untuk berbuat baik pada hari Sabat.
- *Ini adalah benar, amatlah penting untuk berbuat baik pada Hari Tuhan. Sambil berbuat baik, peliharalah kekudusan Hari Tuhan. Yesus dan para pengikutnya memelihara kekudusan Hari Tuhan. Mereka tidak menjalankan urusan perbadi dan berurusan dengan sesiapa, kenapa tidak kita mencontohi mereka.*
9. Perintah ke-4 BUKAN isu penting yang ditekankan dalam Perjanjian Baru. Jadi kenapa baru sekarang Tuhan menitikberatkannya?
- *Lihat [Lukas 23:56](#) "Dan setelah pulang, mereka menyediakan rempah-rempah dan minyak mur. Dan pada hari Sabat mereka beristirahat menurut hukum Taurat.." Ayat ini merujuk kepada orang yang bersama Yesus dan menyediakan rempah untuk dibawa ke kubur-Nya. Mereka mendengar setiap ajaran Yesus, tetapi mereka mengambil serius untuk mematuhi akan perintah itu. Sekiranya mereka yang mengikuti ajaran-Nya mematuhi perintah itu, adakah anda rasa kita juga harus mematuhi?*
- *Pada zaman awal Gereja, manusia memang memandang serius Hari Tuhan, tiada bukti mereka memansuhkannya. Sekarang ini kita yang mengabaikannya. Dalam semua khotbah yang saya dengar, seingat saya tiada satu yang berpesan untuk CARA Memelihara Kekudusan Hari Tuhan.*
- *Kita tahu betapa marahnya Yesus terhadap mereka yang menjalankan urusan di kawasan Rumah Ibadat, jadi janganlah perbuat sesuatu yang sama seperti itu. Lihat [Imamat 19:30](#) "Kamu harus memelihara hari-hari Sabat-Ku dan menghormati tempat kudus-Ku; Akulah TUHAN." Mengapa kita mengandaikan Yesus mementingkan bahagian kedua ayat ini (berkenaan tempat kudus) tapi bukan bahagian pertama berkenaan hari Sabat?*

10. Tetapi Alkitab mengatakan kita harus menghormati Tuhan setiap hari, bukan hanya Sabat/hari Minggu.
- Itu nasihat yang bagus, kita harus amalkan. Hormatlah Tuhan setiap hari, juga patuhi Perintah ke-4. Tiada sebarang percanggahan di sini.
11. Adakah sebarang pengecualian di sini?
- *Mungkin ada, tetapi haruslah ingat amaran Yesus 'manusia akan mencari cara dan alasan untuk mewajarkan agar tidak perlu mematuhi perintah itu.'*
12. Sekiranya ini penting, mengapa hanya Pastor Kim sahaja yang menyebutnya?
- *Bukan dia sahaja, tetapi ia ditunjukkan juga kepada Choo Thomas, bahawa barang siapa yang mengabaikan perintah ini, tidak akan bersedia untuk kedatangan Tuhan.*
13. Tetapi [Kolose 2:16](#) mengatakan "*Kerana itu janganlah kamu biarkan orang menghukum kamu mengenai makanan dan minuman atau mengenai hari raya, bulan baru ataupun hari Sabat;*"
- *Ya, janganlah menghakimi sesiapa, atau menuduh sebab perkara ini benar. Tetapi berhati-hatilah menafsirkan hal ini untuk mengelakkan mendapat kesimpulan yang sebegini:*
a. *"Hari Sabat"-----Perintah ke-4 telah dimansuhkan.*
b. *"minum"-----Sebarang amaran berkaitan perintah yang melarang untuk bermabukan, telah dimansuh.*
c. *"minum"-----Sebarang amaran berkaitan perintah untuk tidak minum darah, telah dimansuhkan.*
d. *"makan"----Sebarang amaran berkaitan perintah larangan makan daging manusia, makan makanan yang dipersembahkan untuk berhala, telah dimansuhkan.*
Kesemua tafsiran ini amat DAHSYAT. Ingat, ianya bukan manusia yang memberi amaran tentang Hari Tuhan, tapi Dia lah Hakim, bukan kita.
14. Tapi di [Galatia 4:10](#) Paulus memperingatkan sesiapa yang cuba untuk memperingati hari-hari khas, bulan-bulan, musim-musim dan tahun-tahun.
- *Ya, dengan mematuhi perintah Tuhan tidak akan menjadikan anda seorang yang benar, ia TIDAK menjamin anda ke Syurga, dan TIDAK memberi Roh Kudus kepada anda. Orang yang Paulus maksudkan mungkin telah percaya akan perkara ini. Jadi, anda memelihara kekudusan Hari Tuhan, janganlah berfikir ia menjamin ke Syurga atau anda layak beroleh Roh Kudus.*
15. Dalam [Roma 14:5](#) Paul berkata, "*Yang seorang menganggap hari yang satu lebih penting dari pada hari yang lain, tetapi yang lain menganggap semua hari sama saja. Hendaklah setiap orang benar-benar yakin dalam hatinya sendiri.*"
- *Ya, seseorang mungkin percaya harijadinya atau Hari Kesyukuran itu suci, tak mengapa. Itu bukan tugas kita untuk memberitahu sebaliknya. Tapi berkenaan Hari Tuhan, BUKAN 'seseorang' yang menganggap hari itu suci, tapi Tuhan mengatakan hari itu dalam Firman-Nya. Dia memasukkan ke dalam Kesepuluh Perintah dan seluruh Alkitab. Tuhan membuat Israel bertanggungjawab kerana mencemarkan Hari-Nya, salah satu dosa yang mengakibatkan Israel ditawan oleh Babylon. Bagaimana pula ahli Alkitabiah berfikir ia TIDAK penting sekarang?*
16. Keselamatan TIDAK berdasarkan perbuatan anda, ia HANYA bergantung kepada apa yang Yesus Kristus lakukan di Kayu Salib.
- *Ada kebenarannya di sini, tetapi ia boleh disalahertikan. Perkataan pertama mesej Injil 'Bertaubat', yang kita harus lakukan.*
Berikut ialah contoh-contoh dari Alkitab....
- *5 orang gadis-gadis yang bodoh dihalau daripada majlis jamuan, kerana apa yang MEREKA perbuat.*
- *Hamba yang kejam tidak diberi belas kasihan kerana apa yang DIA perbuat.*
- *Anak domba di sebelah kiri Tuhan dicampak ke dalam neraka, kerana apa yang MEREKA perbuat.*
- *Ranting yang tak berbuah akan dipotong, atas apa yang IA perbuat.*
- *Orang yang bertahan hingga akhir akan diselamatkan, kerana DIA tak berputus asa terhadap YESUS.*
- *Hamba yang ada 1 talenta dihalau, kerana apa yang DIA perbuat.*
- *Hamba yang tak bersedia dan mabuk, dihalau kerana apa yang DIA perbuat.*
Aplikasi yang sepatutnya ialah, 'sesiapa yang lulus ujian-ujian ini, TIDAK memperoleh keselamatan, tetapi masih beroleh belas kasih-Nya.' Syukur pada TUHAN!. Tapi sekiranya anda gagal ujian-ujian ini, seperti di perumpamaan di atas, anda akan menerima akibat yang dahsyat.